

**UGO1/20**  
**KURSUS PENGENALAN PELBAGAI PERALATAN UKUR**  
**28-31 JANUARI 2020**



Lagi gambar-gambar sepanjang kursus berlangsung telah dimuatnaik di laman sosial  
 Facebook: **Bahagian Ukur & Pemetaan, INSTUN**

<b>PKPU / PENYELARAS/ PP</b>	Sr Siti Arifah binti Abdul Kader En. Mahruzaman bin Misran En. Mohd A'bduh bin Jailani		
<b>KUMP.SASAR</b>	Pegawai dan Kakitangan di Pelbagai Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Badan Berkanun/ Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Sektor Swasta (Gred :Terbuka)		
<b>OBJEKTIF</b>	Memberi pendedahan dan latihan secara asas dalam pengendalian serta penjagaan peralatan ukur bagi memantapkan penggunaan peralatan ukur tersebut secara asas dalam kerja lapangan Pengukuran dan Pemetaan yang dijalankan		
<b>KANDUNGAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengenalan kepada peralatan-peralatan ukur (<i>Total Station</i>, <i>Alat Aras</i>, <i>Global Navigation Satellite System (GNSS)</i>, <i>Alat Penjejakan Utiliti Bawah Tanah</i> dan <i>Unmanned Aerial Vehicle (UAV)</i>)</li> <li>• Penerangan fungsi peralatan ukur</li> <li>• Kaedah penjagaan dan pengendalian asas peralatan ukur</li> <li>• Perancangan dan persediaan sebelum dan selepas kerja ukur</li> <li>• Latihan dan kemahiran pengendalian peralatan ukur</li> <li>• Isu dan masalah di lapangan</li> </ul>		
<b>BIL. PESERTA</b>	<b>32 orang</b>		
<b>PECAHAN PESERTA</b>	<b>PENSYARAH</b>	<b>Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak</b>	<b>Politeknik Merlimau, Melaka</b>
		Gred DH44 – 1 orang Gred DH41 – 3 orang	Gred DH44 – 1 orang Gred DH41 – 2 orang
	<b>Jumlah Pensyarah: 7 orang</b>		
	<b>PELAJAR</b>	<b>Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak</b>	<b>Politeknik Merlimau, Melaka</b>
	11 orang	14 orang	
<b>Jumlah Pelajar: 25 orang</b>			

<p style="text-align: center;"><b>ULASAN PKPU/ PENAMBAHBAIKAN KURSUS</b></p>	<p>Bagi kursus ini, ianya melibatkan Pensyarah dan Pelajar Politeknik dimana lebih penekanan kepada amali Ukur Kejuruteraan dan Ukur Kadaster yang telah dilakukan di kawasan persekitaran Jabatan INSTUN. Hasil kerja amali yang dilakukan oleh pelajar-pelajar adalah memuaskan bagi Ukur Kadaster. Namun, bagi Ukur Kejuruteraan atas faktor cuaca iaitu hujan lebat maka tenaga pengajar telah menggantikan modul latihan amali dengan latihan pengiraan di dalam kelas. Penambahbaikan yang perlu adalah keperluan fasilitator pada setiap kumpulan latihan amali adalah perlu ditambah kerana peserta pada kursus ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar dimana memerlukan perhatian yang lebih terutamanya bagi pengoperasian alat. Disamping itu, antara lain penambahbaikan yang perlu ialah kekerapan pemeriksaan terhadap peralatan ukur sebelum kursus bermula. Kesemua penambahbaikan yang dilaporkan ini akan diberi perhatian dari masa ke semasa.</p>
<p style="text-align: center;"><b>PENILAIAN PESERTA</b></p>	<p>Berikut adalah penilaian oleh peserta kursus yang telah diisi oleh peserta setelah tamat kursus pada sistem eSPEK INSTUN: -</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tempat penginapan yang selesa dan makanan yang memuaskan</li> <li>2. Penyediaan koperasi untuk peserta</li> <li>3. Membuat kem lebih lama</li> <li>4. Adakan lebih banyak kem dan masa yang lebih panjang</li> <li>5. Penginapan yang baik</li> <li>6. Berkongsi maklumat antara peserta untuk mendapat pengetahuan yang lebih luas, lebihkan berkomunikasi antara peserta dan tenaga pengajar</li> <li>7. Pengetahuan tentang alat ukur yang terbaik, dapat melihat alat yang tidak pernah dilihat</li> <li>8. Letakkan astro untuk lebih banyak channel</li> <li>9. Penginapan yang selesa</li> <li>10. Pegawai-pegawai di INSTUN sangat peramah dan banyak membantu</li> </ol>

Disediakan oleh:

**Nama** : Sr Siti Arifah binti Abdul Kader

**Jawatan:** Penolong Ketua Program Ukur (Geodetik)/ Unit Ukur Kejuruteraan

**Tarikh** : 5 Februari 2020